



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 10 JULAI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	COMPANY SETS ASEAN RECORD FOR WAGYU IMPORT, FOOD, THE STAR - 9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	TERNAKAN RUSA MENGUNTUNGAN, MUDAH DIURUS, GAYA.TANI, UTUSAN MALAYSIA - 23	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
3.	MADA SOKONG TINGKAT ASPEK KESELAMATAN SUNGAI KOROK, NEGERI, SINAR HARIAN - 22	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4.	MR ONG ANAK LEMBU BERKAKI 5 JAMAL ABDILLAH, LOKAL, HARIAN METERO – 19	LAIN-LAIN
5.	SEGERA GANTI ORANG TUA DENGAN PETANI MUDA, NEGARA, KOSMO – 12	
6.	DURIAN KAMPUNG ADA PEMINAT, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA - 11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Company sets Asean record for wagyu import

ZENRICH Allied (Zenrich Wagyu), touted as the nation's top supplier of Japanese wagyu, was recognised by Asean Records with the "Largest Annual Volume of Japanese Wagyu Imported in One Year" title.

Deputy Agriculture and Food Security Minister Datuk Arthur Joseph Kurup launched the event, held in conjunction with the grand opening of Wagyu by La Moon restaurant, Zenrich Wagyu's flagship restaurant at The Greens, in Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur.

That record volume recognised by Asean Records was 192,000kg, a weight that is equivalent to 12.86 million slices or approximately 600 cattle.

Asean Records is a regional record-recognition platform established with consent from

the AseanSec, celebrating measurable achievements across all 10 Asean member countries.

"This record is an example of the hard work of Malaysian companies like Zenrich Wagyu's, our trade partners, and our commitment to bringing the best of the world to Malaysia while strengthening our place in the global food scene," said Kurup.

"Such import volume also reinforces stronger agricultural trade ties with partners like Japan, apart from building a food culture that is as dynamic as our people."

Japan Embassy in Malaysia deputy chief of mission Daisuke Nihei, who was present at the

ceremony, said Malaysia's appreciation of wagyu reflected the strength of Malaysia-Japan partnership.

"The Asean record achieved by Zenrich Wagyu is a great testament to that strength," he said.

Zenrich Wagyu director Liven Chong said, "What started as a passion for quality has now become a powerful symbol of connection, bringing together communities, cultures, and cuisines in the most delicious way possible."

Dishing up halal-certified A5 Miyazaki Wagyu, Wagyu by La Moon is helmed by Saburou Niitsu, a Japanese chef with 35 years' experience.



Zenrich Allied representatives with Kurup (third right), Nihei (third left) and Niitsu (second right) at The Greens in Taman Tun Dr Ismail, KL.

Some appetising finds include yakiniku with smoky char, and paper-thin shabu-shabu slices swirling in broth or sweet-salty kick of sukiyaki.

Prices start from RM199 for all-you-can-eat meals.

"Every dish here is prepared with precision, respect for the ingredients, and desire to create something truly memorable for each guest," said Niitsu.

The restaurant is open from 5pm to 1am daily.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/7/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	22

MADA sokong tingkat aspek keselamatan Sungai Korok

Ismail ketika menziarahi keluarga mangsa tragedi Sungai Korok pada Selasa.



JITRA - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang bertanggungjawab terhadap Sungai Korok menyokong usaha kerajaan meningkatkan aspek keselamatan jalan raya sepanjang sungai berkenaan sekali gus mengurangkan risiko kemalangan.

Pengerusi MADA, Datuk Dr Ismail Salleh berkata, agensi itu menyambut baik saranan pelbagai pihak meningkatkan tahap keselamatan terutama di lokasi yang dikenal pasti berisiko tinggi.

Menurutnya, langkah itu bertepatan selepas kawasan Sungai Korok telah merekodkan lapan kematian sejak 2021.

"Reka bentuk kawasan ini memang dibuat

jalan bersebelahan sungai itu sejauh kira-kira 20 kilometer.

"MADA juga mahu memastikan faktor keselamatan di sini terjamin dengan pemasangan infrastruktur yang boleh mengurangkan risiko kemalangan lebih teruk di kawasan tertentu," katanya.

Pada Selasa, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerajaan akan meneliti cadangan pemasangan lampu jalan dan pembinaan pagar penghadang di laluan berhampiran Sungai Korok susulan tragedi menyayat hati yang meragut enam nyawa sekeluarga pada pagi Isnin.

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**
gzyauti.san@mediamajala.com.my

RUSA kini semakin banyak ditenak di ladang-ladang dan kawasan pinggir kampung sebagai satu bentuk penternakan komersial yang mempunyai potensi besar.

Usahawan muda, Ajmain Sanjani, 28, yang merupakan penternak di bawah bimbingan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat membuktikan rusa bukan lagi haiwan eksotik yang sukar diurus atau hanya hidup dalam koloni liar di hutan, sebaliknya boleh dijinakkan dan ditenak dengan berkesan.

Tiga tahun yang lalu, Ajmain memulakan usaha menternak rusa dengan hanya 20 ekor baka Timorensis. Pada waktu itu, dia masih dalam proses menyesuaikan kaedah penternakan rusa dengan persekitaran setempat dan mencari pendekatan terbaik bagi memastikan rusa-rusanya dapat membesar dalam keadaan sihat dan produktif.

Berbekalkan semangat dan ketekunan, dia kini berjaya meningkatkan jumlah ternakan kepada lebih 100 ekor rusa di pusat ternakannya yang terletak di Kampung Endah, Kuala Langat.

Bagi Ajmain, penternakan rusa bukan sahaja memberi pulangan ekonomi yang lumayan, malah lebih mudah diurus berbanding sesetengah haiwan ternakan lain.

Rusa tidak mudah dijangkiti penyakit,

Ternakan rusa menguntungkan, mudah diurus



AJMAIN Sanjani (kanan) dan Abdul Razak Khasbullah (tengah) di pusat ternakan rusa Kampung Endah, Kuala Langat.

menjadikannya satu pilihan yang bijak bagi mereka yang ingin menceburi bidang ternakan dengan risiko kesihatan yang lebih rendah.

Dalam aspek penjagaan, rusa tidak memerlukan perhatian yang terlalu rumit. Seperti haiwan ternakan lain, rusa memerlukan bekalan air bersih dan makanan yang berkhasiat untuk membesar dengan sempurna.

Antara makanan yang biasa diberikan ialah kacang soya, yang membantu mempercepatkan proses tumbesaran.

"Makanan seperti kacang soya perlu diberi secukupnya

bagi memastikan proses tumbesaran mencapai peringkat sedia dijual selepas berusia enam bulan ke atas.

"Harga semasa seekor rusa adalah RM2,500 dan sepasang untuk baka RM5,000. Cabaran semasa harga pasaran sebenarnya tidak menentu.

"Kalau ikut harga pasaran dagingnya, ia biasa dijual RM50 sekilogram," katanya yang menjalankan perniagaan baka dan daging rusa.

Walaupun harga pasaran tidak menentu dan penternak perlu berdepan dengan cabaran persaingan dari negeri-negeri lain, Ajmain melihatnya sebagai satu

cabaran yang sihat.

Dia tidak menganggap persaingan sebagai halangan besar, malah percaya dengan pertambahan jumlah penternak, industri itu akan terus berkembang.

Pemuda itu berhasrat untuk terus memperluas penternakannya dan menjadikan rusa sebagai haiwan ternakan utama, sebaris dengan lembu dan kambing.

Tambahnya, masih ramai beranggapan rusa sebagai haiwan eksotik yang mahal dan hanya mampu dibeli oleh golongan berada.

Namun katanya, apabila lebih banyak rusa ditenak dan ditawarkan di pasaran, harga akan dapat dikurangkan sekali gus membuka peluang lebih luas kepada pengguna dan penternak baharu.

SETANDING TERNAKAN LEMBU, KERBAU

Sementara itu, Pengerusi PPK Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbullah turut menyokong inisiatif penternakan rusa yang dijalankan Ajmain dan beberapa penternak lain di daerah tersebut.

Katanya, pasaran lembu sememangnya rancak

terutama menjelang musim ibadah korban, dengan jumlah jualan mencecah hampir 800 ekor.

Namun bagi rusa, pasaran masih terhad memandangkan ia bukan haiwan yang digunakan untuk tujuan korban.

Begitupun, dia melihat potensi besar dalam industri penternakan rusa dan berharap ia dapat berkembang dengan lebih pesat pada masa hadapan.

Dalam masa sama, PPK turut memberi sokongan kepada penternak rusa menerusi pelbagai bentuk bantuan seperti kursus penternakan, nasihat teknikal, khidmat nasihat pemasaran dan juga bantuan kewangan.

Di daerah Kuala Langat kini terdapat sekurang-kurangnya tiga penternak rusa lain yang menjalankan penternakan secara kecil-kecilan, dengan jumlah ternakan sekitar 20 ekor dan ke atas. Ini menunjukkan penternakan rusa semakin diterima dan berupaya berkembang sebagai salah satu cabang penting dalam sektor agromakanan negara.

Secara keseluruhannya, penternakan rusa bukan sahaja menawarkan potensi pulangan yang tinggi tetapi juga mewakili satu perubahan paradigma dalam dunia pertanian moden.

Daripada sekadar menjadi haiwan eksotik yang sukar ditemui, rusa kini beralih status menjadi antara pilihan ternakan yang menjanjikan masa hadapan yang cerah, khususnya bagi golongan muda yang ingin menceburi bidang keusahawanan tani.



BERMULA dengan 20 ekor rusa, kini Ajmain berjaya mengembangkan ternakan kepada 100 ekor sekali gus menjana pendapatan lumayan buat usahawan muda sepertinya.

Mr Ong anak lembu berkaki 5 Jamal Abdillah

Kuala Lumpur: Penyanyi legenda, Datuk Jamal Abdillah, 66, lega apabila anak lembu 'istimewa' miliknya yang berkaki lima terus hidup selepas lima hari dilahirkan.

Jamal menamakan anak lembu jantan itu sebagai 'Mr Ong' atau Tuah berkata, dia baru berkesempatan balik ke Bukit Merah, Perak pada Isnin lalu dan melawat Mr Ong.

"Saya balik untuk tengok Mr Ong, selain ada kerja lain sikit nak buat. Ramai juga kawan-kawan rapat datang tengok sebab anak lembu ini pelik sikit.

"Turut sama datang ialah pegawai-pegawai veterinar yang nak tengok kesihatan anak lembu ini sama ada okey atau tidak.

"Mereka bagi bantuan dari segi pemantauan, macam mana kalau lembu itu sakit dan

sebagainya," katanya.

Jamal berkata, dia diberitahu kebiasaannya sekiranya ibu lembu itu muda, dia tidak pandai untuk menyusu anak.

"Kes begini biasanya umur anak lembu tak panjang. Tapi kami usahakan juga untuk Mr Ong. Saya suruh pekerja saya perah susu, masukkan dalam botol dan suapkan dia.

"Ini kerana susu ibu untuk tiga hari pertama sangat penting untuk pembesaran, untuk kekuatan badan. Kalau bagi susu yang ada di kedai, memang ada khas untuk binatang tapi ia tiada apa yang ada pada susu ibu.

"Macam manapun saya minta pekerja pastikan jangan sampai dia mati. Mesti perah susu dan bagi dia minum," katanya.

Menurutnya, dia gembira kerana usaha ini membuahkan hasil apabila pekerjajanyang memerah susu pada hari pertama.



JAMAL
memeluk
Mr Ong.

Segera ganti orang tua dengan petani muda

KUCHING – Isu penuaan tenaga kerja dalam sektor pertanian perlu ditangani segera menerusi langkah-langkah bagi galakan penyertaan generasi muda dalam sektor pertanian, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Sarawak.

Katanya, penemuan daripada Banci Pertanian 2024 itu merekodkan keperluan mendesak untuk memperkukuh ekosistem sokongan kepada petani, khususnya dalam aspek latihan kemahiran, pemindahan teknologi dan peningkatan produktiviti.

"Situasi ini juga menuntut pelaksanaan dasar yang bersifat menyeluruh dan bersepadu, sejajar dengan aspirasi Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0)

yang memberi tumpuan kepada sekuriti makanan, kemampunan dan daya saing sektor agromakanan," katanya dalam kenyataan sempena Peluncuran Laporan Interim Banci Pertanian 2024 Sarawak di sini, hari ini.

Menjelas lanjut, DOSM Sarawak berkata, Banci Pertanian 2024 merekodkan sebanyak 147,414 pegangan pertanian di Sarawak pada 2023, dengan 98.6 peratus (145,378 pegangan) dimiliki individu dan 1.4 peratus (2,036 pegangan) dimiliki pertubuhan.

Katanya, hampir kesemua individu (99.9 peratus) yang terlibat dalam aktiviti pertanian merupakan warganegara dan 80 peratus daripadanya adalah lelaki.



MOHD UZIR (tiga dari kiri) menunjukkan Laporan Interim Banci Pertanian 2024 Sarawak kepada Rundi (dua kiri) di Kuching semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/7/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Durian kampung ada peminat

JEMPOL: Walaupun durian premium seperti Musang King sering menjadi sebutan, durian kampung ternyata masih mempunyai peminat tersendiri apabila permintaannya kekal tinggi dalam kalangan pencinta raja buah itu.

Bagi peraih dan penjual durian, Zakiah Zakariah, 39, sambutan terhadap durian kampung di gerainya di Kampung Tengkek cukup menggalakkan hingga ada pelanggan sanggup datang dari luar negeri semata-mata mahu mendapatkan buah tersebut.

"Seawal pukul 8 pagi pelanggan sudah tunggu. Kalau hujung minggu, dalam sejam sahaja semua durian habis dijual. Baru-baru ini pelanggan dari Melaka borong 50 kilogram (kg) durian kampung," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut Zakiah, keunikan rasa durian kampung yang lebih berlemak dan segar selain harganya berpatutan menjadi faktor utama ia terus diminati.

"Ramai pelanggan dari Pahang, Melaka dan sekitar Negeri Sembilan sanggup datang sendiri ke gerai kami," katanya.

Katanya, pada musim buah gugur lebat, permintaan meningkat mendadak dan beliau



ZAKIAH Zakaria (kanan) bersama anaknya, Alya Amyra (kiri) di gerai durian mereka ketika ditemui di Kampung Tengkek, Jempol.
- UTUSAN/NOR SHAFIQAH MOHD GHAZALI

mampu mengumpul hingga tujuh tan durian sehari.

"Paling banyak saya pernah kutip adalah 107 tan dua tahun lepas. Semua durian ini dibekalkan oleh penduduk kampung dan Orang Asli yang mengusahakan dusun kecil," katanya.

Zakiah menceburi perniagaan ini selepas bapanya, seorang peraih durian sejak 2001, jatuh sakit dan meninggal dunia lima tahun lalu.

"Saya belajar semua ilmu

daripada arwah ayah. Sekarang saya ambil alih dan teruskan legasi keluarga," katanya.

Sementara itu, anak sulungnya, Alya Amyra Hamizul, 21, berkata promosi melalui TikTok menyebabkan gerai mereka tular dan menarik pelanggan dari luar.

"Ada yang komen hendak datang, saya ingat bergurau, tetapi keesokannya mereka betul-betul muncul dan borong durian sampai penuh kereta," katanya.